

02 DEC 1999

Gerakan-Koh

GERAKAN MAHU DR KOH KEKAL SEBAGAI KETUA MENTERI

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Gerakan akan mencadangkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang Tan Sri Dr Koh Tsu Khoon dikekalkan sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata, Koh telah menjalankan tanggungjawabnya dengan baik sejak memegang jawatan itu pada 1990 dan diterima oleh penduduk negeri itu.

"Tetapi kita akan biarkan kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan muktamad," kata beliau dalam persidangan berita di ibu pejabat Gerakan di sini, hari ini.

Lim berkata beliau yakin yang negeri itu akan terus maju di bawah kepimpinan Koh, yang berjaya mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjong Bungah dalam pilihan raya umum pada Isnin lepas.

Koh yang turut hadir di persidangan berita itu berkata, beliau akan menunggu pengumuman Perdana Menteri sebelum membuat sebarang ulasan.

"Adalah tidak wajar bagi saya untuk berkata apa-apa sekarang. Tunggulah sebentar," kata Koh yang berusia 50 tahun.

Lim berkata, beliau juga akan membincangkan barisan exco daripada parti itu di Pulau Pinang setelah Dr Mahathir meluluskan pemilihan Koh.

Lim berkata, beliau akan mengadakan perbincangan bersama Perdana Menteri dan beberapa Menteri Besar akan penyertaan parti itu dalam kerajaan-kerajaan negeri.

"Tetapi kita tidak akan kenakan sebarang tekanan dan yakin semangat Barisan Nasional akan mengatasi segala-galanya," kata beliau.

Gerakan memenangi tujuh kerusi Parlimen dan 22 kerusi DUN dalam pilihan raya.

Parti itu membuat kejutan apabila ia menewaskan Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang di kerusi Parlimen Bukit Bendera dan kerusi negeri Kebun Bunga di Pulau Pinang.

-- BERNAMA

AR PR